

PANDANGAN PAKAR TENTANG FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PERKEMBANGAN PENGAJIAN HADIS DI MALAYSIA

EXPERT VIEWS ON THE FACTORS BEHIND THE WEAKNESSES IN THE DEVELOPMENT OF HADITH STUDIES IN MALAYSIA

Siti Nora' Aeshah Zakaria¹, Abu Dzar Ahmad¹, Fauzi Azmi², Asjad Mohamed³

¹Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Malaysia

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Malaysia

Abstract

Hadith is the second most important source of Islamic law after the Quran and plays a major role in understanding Islamic rulings and guidelines for Muslim life. However, weaknesses in Hadith studies in Malaysia remain a concerning issue, particularly in terms of implementation and internalization within educational institutions. This study aims to identify the factors influencing the development of Hadith knowledge in the Malaysian context. Using a qualitative method and a phenomenological approach, seven Hadith scholars were interviewed to obtain diverse and in-depth perspectives on the current state of Hadith studies. The findings identified five main themes contributing to the weaknesses in Hadith education: an underdeveloped syllabus that is not aligned with current needs, a shortage of truly qualified and authoritative educators, societal perception that treats Hadith studies as a secondary field, lack of student motivation to explore Hadith knowledge in depth, and the need for more active involvement from authorities in planning and implementing Hadith knowledge development policies. This study offers valuable guidance for addressing the identified shortcomings and opens opportunities for the strategic and comprehensive advancement of Hadith knowledge in Malaysia, providing deep insights into the challenges of Hadith education in society.

Keywords: Hadith Studies, Islamic Education Issues, Factors of Weakness, Development of Hadith Knowledge, Malaysia.

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 30 Oktober 2025

*Corresponding Author:

Siti Nora' Aeshah Zakaria,
Akademi Pengajian Quran dan
Sunnah, Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah.

Email: aeshah@unipsas.edu.my

PENDAHULUAN

Kajian berkaitan kelemahan pengajian hadis di Malaysia adalah sangat penting dalam konteks perkembangan ilmu hadis di negara ini. Kelemahan dalam pengajian Hadis boleh mengakibatkan pemahaman yang dangkal dan pentafsiran yang salah terhadap hadis-hadis Nabi. Selain itu, walaupun

akses terhadap sumber asli dalam bahasa Arab kini lebih mudah dan kualiti terjemahan yang bervariasi telah berkembang pesat namun, perkembangan pengajian Hadis masih perlahan dan tidak serancak pengajian-pengajian ilmu yang lain seperti bidang Quran dan Fiqh. Polemik antara berbagai sekolah pemikiran dalam ilmu hadis di Malaysia juga boleh mencipta perbezaan pendekatan dalam menafsirkan hadis. Kualiti pengajaran Hadis dan penelitian kritis dalam bidang ini juga perlu ditingkatkan. Sementara itu, pengaruh politik dan ideologi mungkin mempengaruhi pemahaman Hadis di Malaysia. Oleh itu, kajian berkaitan kelemahan pengajian Hadis adalah kritikal untuk memperbaiki pendekatan dalam pengajaran, penelitian dan pemahaman hadis di Malaysia serta mempromosikan pemahaman yang lebih mendalam dan ilmiah tentang warisan hadis dalam masyarakat ini.

PENYATAAN MASALAH

Pengajian Quran dan Hadis seharusnya berada pada tahap perkembangan yang sama memandangkan keduanya adalah sumber rujukan utama kepada umat Islam. Namun realitinya, pengajian Quran lebih mendominasi, sementara pengajian hadis seolah-olah terpinggir. Pengajian hadis di masjid dan surau kelihatan sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian yang lain seperti pengajian Quran, fiqh dan akhlak (Johari & Shah, 2017). Pihak masjid juga berhadapan dengan kekangan dan halangan dalam menawarkan pengajian hadis. Hal ini disebabkan kekurangan ilmuwan yang mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang hadis. Ini dibuktikan melalui peratusan graduan dalam bidang hadis di Malaysia hanyalah 28.6% berbanding graduan dalam bidang Quran sebanyak 40% (Halim et al., 2020) dalam pengajian Islam. Pada masa yang sama, bidang Hadis agak ketinggalan dalam pencapaian, penerokaan dan inovasi sedangkan hal itu sangat penting dalam abad moden yang diwarnai oleh teknologi dan komunikasi terkini (Darmalaksana, 2020). Data dan maklumat di atas membuktikan bahawa perkembangan pengajian Hadis di Malaysia masih lagi berada di peringkat awal tidak serancak perkembangan Quran. Fenomena ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia akan memberi impak negatif kepada kualiti kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap Hadis. Cabaran lain juga yang dihadapi dalam proses mengembangkan pengajian Hadis adalah penyebaran hadis palsu yang kurang terkawal melalui media sosial (Mohd Amru bin Isa & Amran, 2017) dan tentangan golongan ahli liberal yang menolak hadis Ahad (Usman & Nasir, 2022).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Kajian

Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif yang dapat diperhatikan. (Rukin, 2019). Pengkaji juga menggunakan pendekatan induktif kerana kajian ini melibatkan proses pengumpulan dan pentafsiran maklumat yang berkaitan dengan faktor keterlibatan, meskipun dalam keadaan sumber ilmu yang terbatas untuk membuat generalisasi dan kesimpulan. Bagi pensampelan, pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan untuk mengumpul data. Pengkaji boleh memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah temu bual. Ilmuwan Hadis negara adalah peserta kajian yang ditemu bual. Data yang diperoleh akan dianalisis secara tematik dan dianalisis menggunakan perisian NVIVO sebagai alat untuk memudahkan proses menganalisis (Awang Hamid et al., 2005). Seramai tujuh (7) orang informan yang terdiri

daripada ilmuwan Hadis telah dipilih untuk ditemu bual. Jadual 1 adalah kesimpulan secara keseluruhan metodologi kajian yang dijalankan:

Bil	Perkara	Metode
1	Kaedah kajian	Kualitatif
2	Pendekatan kajian	Induktif
3	Persampelan kajian	Persampelan Bertujuan
4	Teknik pengumpulan data	Temu bual
5	Analisis	Tematik

Jadual 1: Ringkasan Metodologi Kajian

Profil Informan

Kajian ini memilih 7 orang peserta kajian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Jadual 2 merupakan ringkasan maklumat peserta kajian.

Informan	Umur	Lulusan Negara	Kerjaya
1	86	Pakistan, India, Mesir	Guru, Penasihat
2	80	Thailand, Pakistan	Guru, Ahli Politik
3	79	India	Profesor Hadis
4	60	Pakistan, India	Pendakwah Bebas
5	50	Syiria, Mesir	Pengetua pondok
6	43	Madinah, Maroko	Pof Madya Hadis
7	46	Pakistan, India	Pempengaruh

Jadual 2: Latar Belakang Peserta Kajian

Informan kajian terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kerjaya. Setengahnya mendapat pengajian Hadis secara bersanad di pondok-pondok pengajian India manakala setengah yang lain pula adalah lulusan institut pengajian tinggi. Informan juga terdiri dalam kalangan orang muda untuk mendapatkan pandangan mengikut peringkat umur.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, didapati lima (5) tema utama telah dikenal pasti menjadi faktor penyumbang kepada kelemahan perkembangan pengajian Hadis di Malaysia. Tema-tema tersebut adalah berkaitan (i) silibus (ii) tenaga pengajar (iii) persepsi masyarakat (iv) Tiada motivasi dan (v) peranan pihak berwajib. Tema ini dibentuk berpandukan persoalan yang diajukan iaitu “Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengajian Hadis di Pahang kurang berkembang?”. Perincian bagi setiap faktor adalah seperti berikut:

(i) Silibus

Seramai 4 orang informan bersetuju mengatakan silibus pengajian Hadis di sekolah-sekolah agama kerajaan dan masjid-masjid tidak berkembang. Informan

Termasuk pondok-pondok. Kalau tengok pengajian hadis di pondok-pondok, agak minima. Cuma mutakhir ni adalah beberapa pondok yang mungkin dia nak perkenalkan hadis. Ambik contoh pondok-pondok yang terkenal contohnya. Macam pondok Pasir Tumbuh, pondok Sungai Durian, beberapa pondok di situ, kalau kita tengok pengajian hadis dia, hadis 40 Arba'in, Riyadhus Shalihin. Walaupun pelajar senior. Riyadhus Shalihin. Dia tak advance. Berbanding dengan fiqh. Fiqh mungkin dia dah habis I'alah Tholibin dia dah belajar, Iqna' dia belajar, dia mungkin dah 7-8 kitab dah habis untuk fiqh. Tapi, Riyadhus Shalihin tak habis lagi.

Informan 3

Hadis-hadis yang dia jumpa, dapat daripada guru ni, dapat daripada guru ni, bukannya tulis. Zaman kita ni lebih mudah kita nak akses maklumat tu. Jadi, bagi ana, kitab-kitab yang mengandungi hadis palsu bukan silap pengarang kitab. Memang kita yakin dia tak sengaja memasukkan, tapi bila kita dah, ulama-ulama hadis dah takhrij, buat semakan, memang hadis tersebut hadis palsu, kita kena akur lah. Benda ni yang menyebabkan kita agak payah, kita ahli-ahli akademik nak berhadapan bila ada sentimen. Sentimen pondok antaranya. Kitab yang di ajar di pondok, yang mengandungi hadis palsu, macam mana kita nak menghadapi?

Informan 5

Bila main sentimen, kita tak boleh nak tu lah. Bahkan orang yang, ahli akademik yang mengeluarkan hujah, hujah akan kalah dengan sentimen. Ini yang berlaku. Sebagai contohnya, ada tokoh yang sebut, baca hadis palsu, dia pertikai pulak. Ha, ni doktor PhD mengaji PhD bukannya banyak mana pun ilmu, hadis ni luas apa semua. Tapi dia tidak membuktikan bahawa hadis tu tidak palsu. Sebab tu kaedah dalam hadis ni dia berbeza dengan kaedah-kaedah lain. Sebagai contohnya hukum biasanya, al-aslu fil ashya' al-ibahah. Benda yang takdak nas, kira harus. Tapi dalam bab hadis, hadis yang tak dijumpai oleh mana-mana ulama, dikira takdak. Tak boleh kita nak kata ada. Tidak ada sebarang sumber. Bahkan ulama-ulama, sumber hadis ni, kalau kita nak pastikan, ruju' sumber yang primier. Sumber yang sekunder tu, tidak tu lah, tidak diiktiraf sebagai sumber asas lah.

Informan 6

(ii) Tenaga Pengajar

Empat orang (4) orang peserta kajian mengatakan, sebahagian pengajar kitab-kitab hadis di masjid-masjid malahan di sekolah adalah bukan graduan Hadis. Mereka dilantik menjadi pengajar hanya kerana memahami bahasa Arab atau digelar ustaz secara umum.

Ustaz tak semua sama macam pomen. Ada pomen motor ada pomen kereta kebal. Ustaz juga begitu. Tapi masyarakat kita, bila ustaz mereka fikir, semua perkara agama, mereka tahu. Ustaz-ustaz kena maklum sekiranya mereka tidak mahir mengajar hadis. Jika tidak dimaklum, mereka hanya mengajar secara umum, masyarakat tidak mendapat ilmu hadis secara mendalam. Kesannya, masyarakat tidak pernah dekat dengan ilmu Hadis.

Informan 1

Saya pernah masuk satu surau yang mengajar kitab jawi lama, Hadis jelas dah ramai ulama menyebut dhaif dan Maudhu' terutama Hadis tentang 'Hai Ali'. Bila ditanya ustaz yang mengajar, rupanya takhrij Hadis pun tak tahu, apatah lagi nak takhrij sebelum mengajar, sedangkan ni asas Hadis.

Informan 2

Pengajar kitab-kitab Hadis kalau bukan graduan Hadis pun, pastikan pergi la belajar ilmu takhrij Hadis. Sebelum nk baca kitab, takhrij dulu hadis yang nak ajar. Jangan sampai sebab hadis tu tok

guru pernah sebut, kita pun sebut, padahal, palsu.

Informan 3

Secara umumnya, ana tengok dalam kalangan para pendakwah, para asatizah, dia agak terlalu kurang penguasaan ilmu hadis. Walaupun zaman sekarang ni kita tak nafikan kita mudah menggunakan aplikasi-aplikasi yang dah ada, yang dah disediakan. Tetapi walaupun ada, tetapi kalau bila tidak ada asas yang kukuh, jadi nak guna pon tak reti. Samalah dengan ilmu-ilmu lain. Ilmu doktor, walaupun maklumat boleh dicari di hujung jari, bidang perubatan, tetapi tidak ada asas doktor, tak berani. Begitu jugak asatizah sendiri pon, penguasaan ilmu hadis agak kurang lah.

Informan 5

(iii) Persepsi Masyarakat

Empat (4) orang peserta kajian mengatakan bahawa persepsi masyarakat terhadap ilmu syariah lebih tinggi tahap ingin tahu berbanding ilmu Hadis.

Dulu orang suka feqah sahaja. Bila sebut hadis ni orang nampak macam berat sangat. Tak tahu mood orang bila sebut pengajian hadis ni.

Informan 4

Tapi secara sepintas lalu ana tengok memang berkait rapat dengan masyarakat jugak. Sebab masyarakat kita ni, bila orang awam, yang pertama sekali dia nak beramal. Dan bila beramal, dia lebih kepada feqah. Fiqah. Jadi hadis ni, dia pergi kepada, hukum feqah tu dia ambik daripada hadis, jadi seolah-olah kelas dia lebih tinggi. Jadi bagi orang awam, dia nak tahu hukum halal, haram, sah, batal.

Informan 5

Masyarakat mmg suka yang asas dulu, tapi pengajar boleh mula baca kitab-kitab hadis hukum. Supaya mereka boleh jadi cinta hadis. Ini kalau nama program Hadis, berapa kerat je yang hadis. Kalau bab soal jawab hukum, penuh masjid.

Informan 6

Sedikit berkaitan dengan hadis palsu ni, hadis palsu memang sebenarnya bagi ana, memang banyak disebar. Cuma kadang-kadang, bila sentimen digunakan dalam mempertahankan seseorang tokoh, yang tu kadang-kadang menyukarkan kita nak menjelaskan keadaan yang sebenar. Maksud ana, bila ada tokoh yang mengeluarkan hadis palsu kemudian anak-anak murid dia, tokoh ni kita ambik contohnya, tokoh daripada pondok, mesti dia dibackup oleh anak-anak murid dia, dibackup oleh sahabat-sahabat pondok. Jadi, menda tu walaupun palsu jadi agak payah kita nak betulkan.

Informan 7

(iv) Tiada Motivasi

Empat (4) orang informan berpandangan pelajar tidak mempunyai motivasi untuk menyambung pengajian kerana tiadanya peluang dan penawaran dalam bidang hadis di dalam Malaysia sebagaimana di luar negara.

Dulu orang anggap menghafal Quran ni satu benda yang terlalu payah. Tapi bila kerajaan buat maahad banyak, jadi benda tu secara tak langsung memberi motivasi kepada tu. Tapi, kerajaan kita tiada usaha nak bina maahad tahfiz hadis. Benda tu boleh sebenarnya. Kitab hadis ni, ana tak nampak payah ana tak nampak payah kalau kita rancang betul dan ada pihak yang berautoriti buat, ana rasa in syaa Allah kita boleh.

Informan 2

Anak-anak sekarang, kalau kita cadang mereka sambung bidang Hadis, mereka akan tanya kita balik, nanti nak kerja apa? Tak yah anak-anak, mak ayah pun tak galak kecuali yang tahu kritikalnya keperluan pengajar dalam bidang Hadis sekarang.

Informan 3

Itu juga berpunca daripada pengkhususan juga. Kalau zaman sekarang ni, ana tak pasti lah. Zaman ana belajar di Mesir, pengkhususan, majoritinya syariah. Majoriti ambik bidang syariah. Kerana apa? Kerana dengar abang-abang kata, syariah ni lebih mudah nak lulus berbanding usuluddin. Usuluddin banyak subjek. Pastu, usuluddin pula, dia banyak kefahaman.

Informan 5

Bidang kat universiti sekarang pun tak ada yang tawarkan bidang hadis major betul. Padahal luar negara banyak je. Bila anak-anak tak pernah dengar, macam mana nak wujudkan minat pada bidang Hadis.

Informan 7

(v) Peranan Pihak Berwajib

Empat (4) orang informan telah berpandangan pihak berwajib perlu berusaha ke arah mengembangkan pengajian Hadis di Malaysia.

Ana tengok diantaranya sistem lah. Sebab dia sistem pengajian kitab betul. Dan fokus dia kepada hadis. Itu yang subur hadis tu. Dan dia banyak majlis-majlis pembacaan kitab. Pembacaan kitab hadis. Bahkan dia, contoh majlis pembacaan kitab Sahih Bukhari, kemudian, setiap kali khatam Sahih Bukhari, ataupun mana mana kitab-kitab hadis yang besar ni, dia buat haflah. Hok tu yang puluh ribu datang. Memang grand lah.

Informan 1

Lepas tu, elaun menghafal hadis pulak. Kemudian, setiap tahun dia buat satu program huffazul wahyaiyn, macam musabaqah tilawah kita, musabaqah hafazan, Quran. Dia buat. Sampai peringkat hafal hadis, begitu. Makna, akademi yang dibuat untuk menghafal hadis. Dan ana tengok, secara sepintas lalu, mula-mula dia menghafal hadis 40 Imam Nawawi. Kemudian, Al Jam'u Binas Sohihain, hadis himpunan Bukhari Muslim. Kemudian, step-step yang sampai peringkat ada yang boleh hafal kutubus sittah. Tapi kalau kita, makna kalau kita buat langkah-langkah tu, sampai peringkat boleh menghafal hadis Al-Jam'u Baina Sohihain, hadis Sohih Bukhari Muslim, tanpa sanad pon, yang itu pun cukup. Cukup menarik dah tu.

Informan 2

Kita katakan - ini bukan kajian ni, bagi gambaran sahaja. Kalau kita letak 20 peratus ambik usuluddin, tahun 3 baru dia pecah. Dia pecah pulak. Daripada 20 peratus tu, dia ada usuluddin syukbah hadis, syukbah tafsir, syukbah akidah falsafah, syukbah dakwah. 4 pulak pecah. Jadi 20 peratus, tinggal 5 peratus. 5 peratus daripada pelajar Azhar dan pelajar Azhar ni kita tak boleh nafikan dialah yang mencorakkan masyarakat, kehidupan beragama di negara kita. Sebab majoriti guru-guru agama, ustaz-ustaz ni daripada Azhar. Majoriti. Kita tak nafi dari negeri lain. Tapi, majoriti kita ambik jugak. Itu mungkin jugak diantara

puncanya. Bila ramai orang belajar bidang lain, dia fokus pada bidang dia lah.

Informan 5

Sebelum ni JAKIM, JAIS bagi anugerah pada ulama tak disebut kriteria, umum sahaja. Pernah tak terfikir nak memberi khusus kepada orang yang menghafaz hadis seperti orang yang menghafaz Quran.

Informan 6

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menyoroti beberapa faktor utama yang mempengaruhi kelemahan perkembangan pengajian Hadis di Pahang, Malaysia. Kesemua tema yang dikenal pasti, iaitu silibus, tenaga pengajar, persepsi masyarakat, kurangnya motivasi, dan peranan pihak berwajib, memberikan gambaran menyeluruh mengenai cabaran yang dihadapi dalam bidang ini.

Pertama, silibus pengajian Hadis di sekolah-sekolah agama dan pondok-pondok di Pahang dianggap tidak berkembang. Kelemahan ini memberi kesan pada kedalaman pemahaman pelajar terhadap hadis, dengan perbandingan yang jelas terhadap kemajuan pengajian Fiqh. Keperluan untuk mengemas kini dan meluaskan silibus adalah penting agar pelajar dapat memahami hadis dengan lebih baik.

Selain itu, faktor tenaga pengajar turut menjadi isu, dengan beberapa pengajar kitab hadis bukan graduan Hadis. Ini menyebabkan kurangnya penguasaan ilmu hadis dalam kalangan pendakwah dan guru agama, serta kekurangan pemahaman mendalam dalam penyampaian materi. Perlu disemak semula proses pengambilan pengajar untuk memastikan kecekapan mereka dalam bidang ini.

Pandangan informan terhadap pengajian Hadis juga menjadi faktor yang mempengaruhi perkembangannya. Terdapat pandangan bahawa ilmu Hadis kurang diminati berbanding Fiqh, dan hadis sering dilihat sebagai sesuatu yang berat. Masyarakat lebih cenderung kepada pengajian Fiqh kerana ia memberikan hukum-hukum yang lebih praktikal dan langsung digunakan dalam amalan harian.

Selain itu, isu hadis palsu menjadi cabaran serius, dengan sentimen dan pertahanan terhadap tokoh yang mengajarnya menyulitkan usaha untuk membersihkan pengajian Hadis daripada kontaminasi hadis palsu. Perlunya pendekatan yang sistematik untuk memeriksa dan membersihkan sumber-sumber hadis menjadi penting.

Kelemahan motivasi di kalangan pelajar juga diperhatikan, dengan kurangnya peluang dan penawaran dalam bidang hadis di Malaysia. Ini dapat diatasi melalui pelbagai inisiatif, seperti menyediakan elaun untuk penghafalan hadis dan memperkenalkan program-program yang memberi peluang kepada pelajar untuk menghafal dan memahami hadis.

Terakhir, peranan pihak berwajib dianggap penting untuk mengembangkan pengajian Hadis. Inisiatif seperti majlis pembacaan kitab, program huffazul wahyaiyn, dan pengiktirafan terhadap mereka yang menghafaz hadis dapat memberi dorongan positif kepada perkembangan ilmu hadis di Malaysia.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini menyediakan pandangan yang komprehensif mengenai cabaran dan faktor-faktor yang perlu diperhatikan untuk memajukan pengajian Hadis di Pahang dan mungkin juga di seluruh Malaysia. Langkah-langkah perbaikan dan pemantapan perlu diambil untuk memastikan pengembangan ilmu Hadis sesuai dengan keperluan masyarakat dan konteks semasa.

KESIMPULAN

Kajian ini memiliki kepentingan yang besar kerana mengidentifikasi faktor-faktor utama yang

menyumbang kepada kelemahan pengajian Hadis di Pahang. Pemahaman terhadap tema-tema seperti silibus, tenaga pengajar, persepsi masyarakat, motivasi pelajar, dan peranan pihak berwajib penting untuk merancang strategi pembaikan dalam pendidikan Hadis. Hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan, termasuk pengarah pendidikan, guru, dan penasihat akademik, untuk mengambil tindakan dan merancang intervensi yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Hadis di peringkat tempatan dan kebangsaan.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang memberi geran penyelidikan melalui Akademi Hadis, UnIPSAS untuk menjalankan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penyediaan dan pelaksanaan kajian ini. Segala pandangan, analisis, dan cadangan yang dikemukakan adalah bersifat akademik dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, institusi atau kepentingan peribadi.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas komitmen yang diberikan.

SUMBANGAN PENULIS

Siti Nora' Aeshah Zakaria (Metodologi, Pengumpulan Data & Penulisan- draf asal)

Abu Dzar Ahmad (Metodologi, Penyuntingan)

Fauzi Azmi (Semakan Analisis Data & Penilaian)

Asjad Mohamed (Penulisan Perbincangan & Penilaian)

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

AS Long. (2018). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit UKM Press.

Awang Hamid, D. T., Omar, A. H., & Sariffudin, R. S. (2005). *Aplikasi perisian Nvivo dalam analisis data kualitatif*.

Darmalaksana, W. (2020). Prosiding Proses Bisnis Validitas Hadis Untuk Perancangan Aplikasi Metode Tahrij. *Jurnal Ushuluddin UIN Sunan Gunung Djati Bandung*, 1, 1–7.

Halim, A. A., Salaeh, A., Said, W. M., Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Amin, M. F. M., & Sobali, A. M. (2020). *Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial Di Malaysia*.

Johari, M. A. Bin, & Shah, F. B. A. (2017). Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli

Jemaah Masjid dan Surau di Shah Alam, Selangor. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1–11.

Mohd Amru bin Isa, & Amran, N. N. (2017). Pengajian hadith di masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*, 5(1), 14–20.

Rukin, S. P. (2019). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Yayasan Ahmar Cendekia Indonesia.

Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran hadis palsu dalam penerbitan di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat. *HADIS*, 12(23), 34–50.